



Buku Atur Cara & Abstrak
Programme & Abstracts Booklet

Semester 1, Sesi 2019/2020

19 November 2019
9 pagi – 2.45 petang

Bilik Mesyuarat KITA,
Kolej Keris Mas



Institut Kajian Etnik (KITA)
Aras 4, Bangunan Pentadbiran
Kolej Keris Mas
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan

Nama: MOHD NAJMUDDIN AYOB
No. Pelajar: P93979
Program: Sarjana (Pengajian Etnik)
Penyelia: Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @
Khalid
Tahap Pembentangan: Usulan

Wanita dan parti politik : Keberadaan dan cabaran pilihanraya umum 14

Kajian ini mengkaji keberadaan dan cabaran yang dihadapi calon wanita dalam PRU 14. Kajian ini menggunakan dua teori iaitu ruang awam dan feminisme untuk menganalisis keberadaan dan cabaran calon wanita yang berlatarbelakangkan pelbagai ideologi parti berbeza. Walaupun pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan dan parti-parti politik dalam memperkasakan penyertaan wanita dalam politik baik sebagai ahli parti, jentera parti dan seterusnya menjadi calon parti dalam pilihanraya. Namun, wujudnya halangan-halangan tertentu yang mengakibatkan kurangnya jumlah wanita yang dipilih sebagai calon dan menjadi wakil rakyat. Maklumat yang digunakan didalam kajian ini didapati melalui sesi temubual secara verbatim dan jawapan diberikan melalui balasan email dengan responden yang terdiri daripada calon-calon pilihanraya baik lelaki dan wanita dari parti-parti politik di Malaysia. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini. Pertama kajian ini cuba mengkaji penglibatan calon wanita dalam PRU 14 yang lepas . Kedua, kajian juga berhasrat untuk membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi calon wanita sewaktu Pilihanraya Umum yang lepas dimana cabaran tersebut bukan sahaja datang daripada parti lawan sahaja bahkan daripada parti sendiri juga. Akhir sekali, kajian akan cuba memberikan analisis akan strategi yang digunakan oleh calon wanita yang berlatarbelakangkan ideologi parti berbeza dalam memastikan mereka berjaya menewaskan lawan mereka dalam perebutan kerusi yang ditandingi.

Nama: NORHAYATI BINTI ISMAIL
No. Pelajar: P97328
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia: Prof. Shamsul Amri Baharuddin & Dr.
Shazlin A. Hamzah
Tahap Pembentangan: Usulan

Nasionalisme dan masyarakat berbilang budaya di Malaysia: Tumpuan terhadap sistem pendidikan pasca 1969.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan nasionalisme dalam kalangan masyarakat berbilang budaya di Malaysia yang memfokuskan kepada sistem pendidikan selepas tercetusnya rusuhan kaum 13 Mei 1969. Nasionalisme yang lahir daripada semangat perkauman telah mewujudkan jurang yang besar antara kaum di Malaysia terutamanya bagi kaum Melayu dan Cina sehingga menjurus kepada perasaan stereotaip antara satu sama lain. Sistem pendidikan negara dalam pada itu telah melakukan beberapa fasa rekonstruksi bersama gagasan bagi membentuk satu identiti nasional yang meliputi semua kaum di Malaysia. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada tiga objektif utama iaitu, menerangkan konflik nasionalisme-kaum terhadap penubuhan sekolah berasaskan kaum. Kedua, mengkaji keyakinan kaum-kaum di Malaysia terhadap sistem pendidikan sekolah kebangsaan berbanding sekolah bukan kebangsaan di Malaysia dan ketiga, menilai keberkesanan sistem pendidikan kebangsaan dalam membentuk bangsa Malaysia. Kaedah yang akan digunakan bagi menjalankan kajian ini ialah temu bual responden dan kajian keperpustakaan yang meliputi buku, jurnal, keratin akhbar dan majalah. Kajian yang akan dijalankan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dalam memahami struktur, sejarah dan konflik yang dihadapi dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan merangka solusi khususnya dalam sistem pendidikan sebagai aktor penyebar perpaduan dan semangat bernegara yang tulen.

Nama: GRAHAM DALRYMPLE
No. Pelajar: P86009
Program: Sarjana (Pengajian Etnik)
Penyelia: Prof. Shamsul Amri Bin Baharuddin & Dr. Christopher Joll
Tahap Pembentangan: Laporan kemajuan

From Melayu to Thai Muslim: Historical and theoretical perspectives on ethnonyms, ethnogenesis and ethnic change amongst Muslims in Songkhla Province

As previously presented, this research explores ethnogenesis and ethnic change amongst Thai-speaking Muslims in Songkhla province by both interacting with a range of historical, anthropological and theoretical material, and collecting my own set of primary data. conducting interviews with Muslim communities in Chana district. Methodologically, I have conducted open-ended interviews, as well as structured interviews with key informants in Chana district, Songkhla province. There are two main objectives of this presentation. The first will be to present my primary empirical findings from fieldwork conducted so far in Songkhla province. The second explains how my empirical findings and provisional hypothesis will impact my thesis outline. My presentation is roughly divided into two parts, I will begin by presenting a summary of the informants I have interviewed. I introduce a map of the province of Songkhla and district of Chana, highlighting the Muslim communities in which I have conducted open-ended interviews, as well as structured interviews with key informants. Based on my analysis of the empirical data collected so far, I present my provisional hypothesis based on the wide spectrum of positions taken by Muslims in Chana district on the issues of ethnonym selection, ethnogenesis and ethnic change. These responses range from; a strong preference of the ethnonym *Orae Nayu* with a Patani heritage whom still speak local Malay today, to a preference of the ethnonym *Thai Muslim/Islam* whom are now monolingual southern Thai speakers and are unaware of the Malay heritage of Chana district. Finally, I provide details of how this provisional hypothesis will impact my thesis outline.

Nama: ABDULLAH AMIR BIN CHE ISMAIL
No. Pelajar: P97239
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia: Dr. Adil Johan & Dr. Shazlin A. Hamzah
Tahap Pembentangan: Usulan

Keterangkuman budaya rentas etnikdDalam filem-Filem arahan Chiu Keng Guan

Filem merupakan satu wadah dalam menyampaikan naratif sosial dan budaya sebuah negara. Melalui visual penceritaan, Chiu Keng Guan memotretkan dimensi sosial negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik untuk tontonan dan penghayatan masyarakat Malaysia dan masyarakat antarabangsa. Chiu Keng Guan merupakan pengarah berbangsa Cina mengekspresikan keunikan multietnik Malaysia melalui dua buah filem arahnya iaitu filem *The Journey* (2014) dan filem *Ola Bola* (2016). Naratif sosial ini dihayati melalui binaan syot-syot yang membawa penonton menyusuri nilai-nilai pemahaman merentas perbezaan etnik Kajian ini meneliti bagaimana Chiu Keng Guan sebagai pengarah *auteur* mengangkat subjek multietnik dengan baik tanpa menimbulkan isu sensitiviti kaum. Mengangkat subjek pelbagai kaum bukannya satu tema yang mudah malahan ianya satu tema yang sangat rapuh yang sering menyahut kontroversi. Kerangka analisis meneliti kepada syot-syot adegan-adegan multietnik melalui dua buah filem arahnya. Konsep integrasi dan akomodasi diaplikasikan sebagai kerangka teoretikal kajian ini bagi menganalisis naratif filem *The Journey* (2014) dan filem *Ola Bola* (2016) untuk menjawab soalan: bagaimanakah Chiu Keng Guan menggunakan estetik syot filem tertentu dalam menyampaikan naratif sosial bagi mencerminkan keunikan masyarakat multietnik Malaysia?

Sekalung Penghargaan / *Acknowledgements*

Pengulas / *Reviewers*:

- Prof Madya Dr. Sity Daud (FSSK) • Dr. Atiqah Tang Abdullah (KITA)
- Dr. Md Khaldun Munip Malek (KITA) • Prof. Madya Dr. Shanthini Pillai (School of Language Studies and Linguistics, FSSK)

Urusetia / *Committee*:

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin • Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid • Dr. Shazlin Amir Hamzah • Dr. Pue Giok Hun • Cik Najatulmuna • Pn. Suhana Bahtiar • En. Muhamad Shamri Rahmat • Cik Hezreen

Warga KITA / *KITA Family*